

# PHARMANIAGA DERMAL G CREAM

Betamethasone / Gentamicin (0.05% w/w / 0.10% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Dermal G Cream
2. Bagaimana Pharmaniaga Dermal G Cream berfungsi
3. Sebelum mengambil Pharmaniaga Dermal G Cream
4. Cara pengambilan Pharmaniaga Dermal G Cream
5. Semasa mengambil Pharmaniaga Dermal G Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Dermal G Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini risalah
11. Nombor siri

## Apakah kegunaan Pharmaniaga Dermal G Cream

Ia digunakan untuk rawatan jangka pendek pada kulit untuk merawat jangkitan bakteria.

## Bagaimana Pharmaniaga Dermal G Cream berfungsi

Betamethasone dipropionate adalah ubat yang tergolong dalam kumpulan yang dikenali sebagai kortikosteroid topikal dimana ia akan mengurangkan kemerahan dan kegatalan yang disebabkan oleh penyakit kulit.

Gentamicin adalah ubat yang tergolong dalam kumpulan yang dikenali sebagai spektrum luas yang berkesan dalam merawat pelbagai jenis masalah kulit biasa yang disebabkan oleh jangkitan bakteria.

## Sebelum mengambil Pharmaniaga Dermal G Cream

-Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda alah pada bahan-bahan di dalam ubat ini
- Jika anda dalam rawatan herpes simplex (radang kulit dicirikan oleh pembentukan vesikel kecil dalam kluster), vaccinia atau varicella, atau jangkitan tuberculous di kawan dubur (fisur kronik)

### *Mengandung atau menyusukan anak*

Jangan ambil Pharmaniaga Dermal G Cream jika anda hamil, sedang merancang untuk hamil atau mungkin hamil sebelum berbincang dengan doktor anda terdahulu.

Jangan ambil Pharmaniaga Dermal G Cream jika anda sedang menyusukan bayi. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

Jika anda tidak pasti, bincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan ubat ini.

### -Sebelum mengambil Pharmaniaga Dermal G Cream

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan kepada betamethasone, gentamicin atau mana-mana bahan-bahan yang terkandung dalam ubat ini.

Penjagaan perlu diambil untuk mengekalkan langkah-langkah kebersihan. Ia juga harus diperhatikan bahawa bukan semua keadaan kulit yang meleleh, pengupingan atau mengandungi lepuh yang mengandungi nanah sebenarnya dijangkiti kuman.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain termasuk ubat-ubatan yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

## Cara pengambilan Pharmaniaga Dermal G Cream

Sentiasa menggunakan ubat ini sepertimana yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Baca arahan pada dengan teliti.

Periksa dengan doktor atau ahli farmasi sekiranya anda tidak pasti.

### -Berapa banyak harus diambil

Doktor akan menasihati anda berapa banyak yang perlu digunakan setiap hari, dan untuk berapa lama anda perlu menggunakannya.

Sapu krim secara nipis di kawasan yang terlibat sekali atau dua kali sehari sehingga maksimum 45g setiap minggu.

Rawatan perlu dihadkan tidak melebihi dua minggu berturut-turut.

### -Bila perlu diambil

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### -Berapa lama perlu diambil

Guna Pharmaniaga Dermal G Cream mengikut tempoh yang ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### -Jika terlupa mengambil

Ikut arahan label dengan teliti dan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan mengambil ubat tambahan untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dapatkan bantuan perubatan kecemasan jika anda fikir anda telah menggunakan terlalu banyak ubat ini.

## Semasa mengambil Pharmaniaga Dermal G Cream

### -Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat ini pada jangka masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda alah kepada betamethasone, gentamicin dan bahan lain dalam ubat ini.

Beritahu doktor dan ahli farmasi ubat-ubatan preskripsi dan bukan preskripsi yang anda ambil.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda sedang menggunakan Pharmaniaga Dermal G Cream.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa mengambil ubat ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat tanpa nasihat doktor.

Jangan mengambil ubat baru tanpa nasihat doktor.

Jangan beri Pharmaniaga Dermal G Cream kepada orang lain walaupun

# PHARMANIAGA DERMAL G CREAM

Betamethasone / Gentamicin (0.05% w/w / 0.10% w/w)

tanda-tanda mereka kelihatan serupa dengan anda.

## -Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika kerengsaan, pemekaan atau reaksi alahan berlaku, berhenti menggunakannya dan beritahu doktor anda.

Jika anda hamil, cuba untuk hamil atau sedang menyusukan bayi, jangan gunakan ubat ini tanpa berbincang dengan doktor anda terlebih dahulu.

## **Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, Pharmaniaga Dermal G Cream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami kesan sampingan apabila mengambil ubat ini.

Produk ini boleh menyebabkan kesan sampingan seperti berikut:

- Alahan kulit
- Keradangan atau jangkitan satu atau lebih folikel rambut
- Jangkitan folikel rambut
- Lepuh kecil pada kulit yang mengandungi nanah
- Ulser pada kaki
- Kepekaan fizikal yang berlebihan, terutamanya kulit
- Tiada deria pada jari
- Ruam ungu pada kulit yang disebabkan oleh pendarahan dalam dari saluran darah kecil
- Penipisan kulit
- Lepuh kecil atau jerawat pada kulit yang mengandungi nanah
- Kehilangan warna kulit
- Boleh menyebabkan kerosakan telinga pada kanak-kanak, orang tua dan pada mereka yang mempunyai masalah buah pinggang

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

## **Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Dermal G Cream**

### -Penyimpanan

Jauhi daripada capaian dan penglihatan kanak-kanak.

Jangan gunakan ubat ini selepas Tarikh luput.

Simpan di bawah 25°C. Lindungi daripada cahaya.

### -Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### -Rupa dan warna produk

Cecair yang jernih dan tidak berwarna.

### -Bahan-bahan kandungan

#### -Bahan aktif

Setiap gram mengandungi Betamethasone (as dipropionate) 0.05% w/w dan Gentamicin (sulphate) 0.10% w/w.

#### -Bahan tidak aktif

*Liquid paraffin, Sodium dihydrogen phosphate dihydrate, Purified water, Cetomacrogol, Cetostearyl Alcohol, Cetyl Alcohol, Chlorocresol, Isopropyl Myristate.*

### -Nombor MAL:

MAL19990268AZ

## **Pengilang**

Idaman Pharma Manufacturing Sdn. Bhd. (200401023395)  
Lot 24 & 25, Jalan Perusahaan Lapan,  
Bakar Arang Industrial Estate,  
0800 Sungai Petani, Kedah,  
Malaysia.

## **Pemegang Pendaftaran Produk**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad  
(198001006232),  
No. 11A, Jalan P/1,  
Kawasan Perusahaan Bangi,  
43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

## **Tarikh kemaskini risalah**

7/10/2024

## **Nombor Siri**

NPRA(R4/1)300718/00219